Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

HUKUM-HAKAM SOLAT BERJEMAAH DI TEMPAT SELAIN MASJID BERDASARKAN MAZHAB AL-SHĀFIʿĪ

LEGAL RULINGS ON PERFORMING CONGREGATIONAL PRAYER OUTSIDE THE MOSQUE: A STUDY BASED ON THE SHĀFIʿĪ MADHHAB

Ahmad Muzzafaz bin Mahadi [1]
Mohd Asyran Safwan bin Kamaruzaman [2]
Mohd Kamel bin Mat Salleh [3]
Mohd Sobri bin Ellias [4*]

[1] Calon Ijazah Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Email: 2024552691@student.uitm.edu.my
[2] Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah. Email: asyransawafn@uitm.edu.my
[3] Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban. Email: mohdkamel@uitm.edu.my
[4] Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia USIM.
Email: sobri.ellias@usim.edu.my
*Corresponding author: sobri.ellias@usim.edu.my

Article history
Received date : 5-6-2026
Revised date : 6-6-2026
Accepted date : 26-10-2026
Published date : 30-10-2026

To cite this document:
Abdul Halim, H., Jaafar, H., Basri, M. F., & Khalid, A. A. (2026). Mahadi, A. M., Kamaruzaman, M. A. S., Mat Salleh, M. K., & Ellias, M. S. (2026). Hukum-hakam solat berjemaah di tempat selain masjid berdasarkan mazhab al-Shāfiʿī. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 11 (87), 1301-1316.

Abstrak: *Solat berjemaah merupakan salah satu syiar utama Islam yang dituntut pelaksanaannya dalam kehidupan masyarakat Muslim. Seiring dengan pertambahan penduduk dan peningkatan keperluan ruang ibadah, pelaksanaan solat berjemaah dan Solat Jumaat di tempat selain masjid seperti surau dan musolla semakin meluas, khususnya di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tersebut menimbulkan beberapa persoalan fiqh berkaitan kesahan hubungan antara imam dan makmum, terutama apabila jemaah berada di luar dewan solat utama, di bangunan yang berasingan atau pada aras yang berbeza. Kajian ini bertujuan menjelaskan syarat-syarat sah solat berjemaah di tempat selain masjid menurut mazhab al-Shāfiʿī serta menganalisis aplikasinya dalam konteks semasa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan dengan meneliti sumber-sumber primer mazhab al-Shāfiʿī seperti Fatḥ al-Wahhāb, Asnā al-Maṭālib, Nihāyat al-Muḥtāj dan Sabīl al-Muhtadīn. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mengenal pasti prinsip-prinsip fiqh yang berkaitan dengan hubungan imam dan makmum dalam solat berjemaah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa solat berjemaah di tempat selain masjid adalah sah selagi memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh fuqahāʾ al-Shāfiʿiyyah, antaranya kewujudan keterikatan antara imam dan makmum, jarak yang tidak melebihi had yang dibenarkan, ketiadaan penghalang yang menjejaskan hubungan jemaah serta pematuhan*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

terhadap syarat-syarat rābiṭah apabila diperlukan. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih sistematik terhadap hukum-hakam solat berjemaah di surau dan musolla serta dapat dijadikan rujukan dalam pengurusan ruang ibadah dan pelaksanaan Solat Jumaat di luar masjid pada masa kini.

Kata Kunci: *Solat berjemaah, mazhab al-Shāfiʿī, rābiṭah, surau, musolla, Solat Jumaat.*

Abstract: *Congregational prayer constitutes one of the most important symbols of Islam and is strongly encouraged within the Muslim community. In line with population growth and the increasing demand for prayer facilities, congregational prayers and Friday prayers are increasingly being conducted in locations other than mosques, such as suraus and musollas, particularly in urban areas. Nevertheless, such practices raise several juristic issues concerning the validity of the connection between the imam and the congregants, especially when worshippers are located outside the main prayer hall, in separate buildings, or on different floors. This study aims to examine the conditions governing the validity of congregational prayer outside the mosque according to the Shāfiʿī school of law and to analyse their application in contemporary contexts. Employing a qualitative library-based approach, the study examines authoritative Shāfiʿī legal sources, including Fatḥ al-Wahhāb, Asnā al-Maṭālib, Nihāyat al-Muḥtāj, and Sabīl al-Muhtadīn. The data were analysed using content analysis to identify the juristic principles governing the relationship between the imam and the congregants in congregational prayer. The findings reveal that congregational prayer conducted outside the mosque remains valid provided that the conditions stipulated by Shāfiʿī jurists are fulfilled. These include the existence of a valid connection between the imam and the congregants, a permissible distance between them, the absence of barriers that disrupt the continuity of the congregation, and compliance with the requirements of rābiṭah where applicable. This study contributes to a more systematic understanding of the legal rulings governing congregational prayer in suraus and musollas and provides practical guidance for the management of prayer spaces and the implementation of Friday prayers outside mosques in contemporary settings.*

Keywords: *Congregational prayer, Shāfiʿī school, rābiṭah, surau, musolla, Friday prayer.*

Pendahuluan

Ibadah solat adalah ibadah yang paling afdhal setelah beriman dengan Allah dan Rasul-Nya, fardhunya adalah kefardhuan yang paling afdhal dan sunnahnya adalah sunnah yang paling afdhal (Al-Anṣārī, 2017). Menunaikan solat fardhu pada waktunya adalah fardhu atas setiap muslim dan meninggalkannya adalah dosa yang besar (Al-Ḥabashī, 2018). Adapun mendirikannya secara berjemaah dalam kalangan orang-orang Islam lelaki dalam satu kawasan adalah fardhu kifayah (Al-Nawawī, 2005). Ini berdasarkan kepada sabdaan baginda Nabi yang diriwayatkan Abū Dāwūd:

ما من ثلاثة في قرية ولا بدو لا تقام فيهم الجماعة إلا استحوذ عليهم الشيطان[1]

[1] Abū Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ashʿath. *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Tashdīd fī Tark al-Jamāʿah, no. hadis 547.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

> Mafhumnya: "*Tidaklah tiga orang yang berada dalam satu kampung atau badwi yang tidak didirikan solat berjemaah dalam kalangan mereka melainkan mereka dibelenggu oleh syaitan*."

Galakan mendirikan solat secara berjemaah dikhabarkan oleh Rasulullah dengan menyebut kelebihan orang yang melakukannya bahawa digandakan pahala solatnya kepada dua puluh tujuh kali ganda (Al-Haytamī, 1998). Pelaksanaannya dalam memenuhi tuntutan fardhu kifayah tidaklah terkhusus kepada tempat yang dinamakan sebagai masjid, malah boleh dilakukan di mana-mana tempat yang boleh berkumpul di dalamnya sebilangan orang-orang Islam sekira-kira terzahir syiar Islam. (Abū al-ʿAbbās, 2011). Maka jika di kampung, memadai didirikan solat berjemaah di satu tempat, dan jika di negeri yang besar didirikan solat berjemaah di pelbagai tempat sekira-kira terzahir syiar berjemaah. (Al-Anṣārī, 2001).

Namun pelaksanaannya di dalam selain masjid menuntut kepada syarat-syarat tambahan untuk memastikan sah solat berjemaah yang dilakukan. Justeru, berdasarkan permasalahan yang dibincangkan, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti syarat-syarat sah solat berjemaah di tempat selain masjid menurut mazhab al-Shāfiʿī dan menganalisis aplikasi syarat-syarat tersebut dalam pelaksanaan solat berjemaah dan Solat Jumaat di surau serta musolla pada masa kini.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa perbahasan mengenai pelaksanaan solat berjemaah di tempat selain masjid telah mendapat perhatian para sarjana, khususnya dalam konteks keperluan semasa yang melibatkan kekangan ruang, pertambahan bilangan jemaah dan situasi darurat. Beberapa kajian meneliti pelaksanaan solat berjemaah dan Solat Jumaat di lokasi alternatif seperti tempat kerja, ruang awam, surau dan kawasan terbuka, dengan menekankan bahawa kesahan ibadah tersebut bergantung kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak serta pertimbangan maqāṣid al-sharīʿah dalam menjaga kemaslahatan umat Islam (Omar et al., 2022; Padang, 2022; Pujiani & Rochbani, 2025; Sodiqin, 2021). Dalam masa yang sama, kajian berkaitan pelaksanaan solat berjemaah ketika wabak turut membincangkan isu keterikatan saf, hubungan antara imam dan makmum serta keharusan penyesuaian tertentu berdasarkan keperluan semasa tanpa menjejaskan prinsip asas ibadah (Hasibuan & Yusram, 2020; Lukman et al., 2023).

Selain itu, beberapa penyelidikan memberi tumpuan kepada aspek teknikal dan fiqhiyyah dalam pelaksanaan solat berjemaah. Antaranya ialah kajian berkaitan jarak saf menurut mazhab al-Shāfiʿī dan al-Mālikī (Ikbal, 2021), analisis hukum hadis berhubung keutamaan mendirikan solat di masjid (Pratiwi et al., 2025), serta kajian mengenai pelaksanaan iʿādah Zuhur selepas Solat Jumaat menurut perspektif fiqh al-Shāfiʿiyyah (Mukhtar, 2024; Muthalib et al., 2021). Kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa para fuqaha memberikan perhatian yang mendalam terhadap syarat-syarat yang menjamin kesahan jamaah, termasuk kedudukan makmum, keterikatan dengan imam dan faktor-faktor yang boleh menjejaskan kesinambungan jamaah.

Jika dinilai secara kritis, kajian-kajian tersebut boleh dibahagikan kepada dua kelompok utama. Kelompok pertama (Hasibuan & Yusram, 2020; Lukman et al., 2023; Omar et al., 2022; Padang, 2022; Sodiqin, 2021) membincangkan pelaksanaan solat berjemaah dalam situasi pandemik COVID-19 dan lebih banyak bersandarkan kepada pendekatan maqāṣid al-sharīʿah, kaedah darurat serta fatwa semasa. Kelompok kedua (Ikbal, 2021; Mukhtar, 2024; Muthalib et al., 2021; Pratiwi et al., 2025) pula meneliti isu fiqh tertentu secara terpisah seperti jarak saf, iʿādah Zuhur

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

dan keutamaan solat di masjid. Dari sudut penggunaan sumber, hanya sebahagian kajian merujuk secara langsung kepada karya muʿtamad mazhab al-Shāfiʿī seperti *Nihāyat al-Muḥtāj* dan *Asnā al-Maṭālib*, manakala selebihnya lebih bergantung kepada sumber sekunder, fatwa kontemporari atau perbandingan antara mazhab. Dari sudut dapatan pula, terdapat perbezaan kecenderungan dalam literatur semasa; sebahagian kajian cenderung kepada keharusan melonggarkan syarat kesinambungan saf atas dasar keperluan, manakala sebahagian yang lain menegaskan bahawa syarat keterikatan antara imam dan makmum tidak boleh diabaikan kecuali dalam keadaan darurat yang sebenar. Perbezaan ini menunjukkan keperluan untuk kembali kepada teks primer mazhab bagi menentukan batas syarat-syarat tersebut dalam keadaan biasa.

Dalam konteks Malaysia, kedudukan fatwa dan garis panduan pihak berkuasa agama negeri turut penting kerana pelaksanaan Solat Jumaat di surau tertakluk kepada kebenaran pihak berkuasa agama negeri. Sebagai contoh, Jabatan Mufti Negeri Selangor (2013) telah mengeluarkan *Garis Panduan Solat Berjemaah di Masjid dan Bangunan Selain Masjid dan Tanah Lapang* yang memperincikan syarat jarak, penghalang dan rābiṭah, manakala Jabatan Agama Islam Selangor menyelenggara senarai surau yang diberi kebenaran mendirikan Solat Jumaat (Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor, n.d.). Garis panduan tersebut bersifat praktikal dan ringkas, namun ia tidak menghuraikan sandaran teks mazhab bagi setiap syarat secara terperinci serta tidak memuatkan beberapa syarat yang dibincangkan oleh fuqahāʾ, seperti kedudukan rābiṭah yang tidak boleh didahului oleh makmum pada perbuatan solat dan syarat rābiṭah mestilah boleh melihat. Oleh itu, kajian ini menilai garis panduan tersebut bersama-sama sumber primer mazhab bagi memastikan aplikasinya kepada pengurusan surau lebih tepat.

Walau bagaimanapun, pemetaan kajian terdahulu sebagaimana yang dirumuskan dalam Jadual 1 mendapati bahawa kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada isu pelaksanaan solat berjemaah dalam konteks darurat, pandemik atau perbahasan hukum tertentu yang bersifat terpisah. Kajian yang secara khusus menghimpunkan dan mensistematikkan pandangan ulama mazhab al-Shāfiʿī mengenai syarat-syarat sah solat berjemaah di tempat selain masjid, khususnya yang melibatkan isu jarak antara imam dan makmum, kewujudan penghalang, peranan rābiṭah serta aplikasi hukum tersebut dalam konteks surau dan musolla masa kini, masih terhad. Berdasarkan pemetaan tersebut, tiada kajian yang menghimpunkan keempat-empat aspek ini dalam satu kerangka analisis yang bersandarkan sumber primer mazhab al-Shāfiʿī. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan tersebut melalui analisis terhadap sumber-sumber fiqh muʿtabar mazhab al-Shāfiʿī dan mengemukakan panduan yang lebih sistematik berkaitan pelaksanaan solat berjemaah di tempat selain masjid.

Jadual 1: Pemetaan Kajian Terdahulu Berkaitan Solat Berjemaah di Tempat Selain Masjid

Kajian	Fokus	Sumber Mazhab	Isu yang Dikaji	Kelompongan
Hasibuan & Yusram (2020)	Solat berjemaah di masjid dengan saf terpisah ketika wabak	Pandangan pelbagai mazhab dan fatwa semasa	Keterikatan saf dalam keadaan wabak	Konteks darurat; tidak membincangkan rābiṭah dan tempat selain masjid
Sodiqin (2021)	Fatwa ibadah berjemaah ketika pandemik COVID-19	Fatwa kontemporari dan ijtihad berasaskan sains	Dialektik agama dan sains dalam fatwa	Tidak memperincikan syarat jarak dan penghalang menurut mazhab al-Shāfiʿī
Ikbal (2021)	Jarak saf dalam solat	Perbandingan mazhab al-Shāfiʿī dan al-Mālikī	Variasi jarak saf	Tertumpu kepada jarak saf; tiada aplikasi kepada surau dan musolla

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

Kajian	Fokus	Sumber Mazhab	Isu yang Dikaji	Kelompongan
Muthalib et al. (2021)	Amalan iʿādah Zuhur selepas Solat Jumaat di Aceh Besar	Fiqh al-Shāfiʿī dan pendekatan hukum Islam	Amalan iʿādah Zuhur	Isu berbeza; tidak menyentuh hubungan imam dan makmum
Omar et al. (2022)	Limitasi pelaksanaan solat di masjid era COVID-19	Analisis hukum dan fatwa semasa	Had pelaksanaan solat di masjid	Konteks pandemik; tiada perincian syarat solat di tempat selain masjid
Padang (2022)	Solat Jumaat di tempat kerja atau selain masjid ketika COVID-19	Perspektif hukum Islam secara umum	Kesahan Solat Jumaat di luar masjid	Konteks pandemik; kurang merujuk teks primer mazhab al-Shāfiʿī
Lukman et al. (2023)	Ruang interpersonal dalam saf di Masjid Salman, Bandung	Pendekatan seni bina, bukan sumber fiqh	Jarak saf ketika pandemik	Bukan analisis hukum; tidak membincangkan syarat sah jemaah
Mukhtar (2024)	Iʿādah Solat Jumaat dengan Zuhur	Fiqh al-Shāfiʿiyyah	Hukum iʿādah Zuhur	Tidak menyentuh syarat jarak, penghalang dan rābiṭah
Pratiwi et al. (2025)	Hadis lā ṣalāta li jār al-masjid illā fī al-masjid	Tafsir hadis hukum	Keutamaan solat di masjid	Tidak membincangkan syarat sah jemaah di luar masjid
Pujiani & Rochbani (2025)	Pelaksanaan solat di tempat awam	Fiqh ibadah secara umum	Penyesuaian pelaksanaan solat dalam kehidupan moden	Bersifat umum; tiada perincian rābiṭah dan perbezaan aras
Kajian ini	**Syarat sah solat berjemaah di tempat selain masjid**	**Fatḥ al-Wahhāb, Asnā al-Maṭālib, Nihāyat al-Muḥtāj, Sabīl al-Muhtadīn**	**Jarak, penghalang, rābiṭah dan perbezaan aras**	**Menghimpunkan keempat-empat aspek serta aplikasinya kepada surau dan musolla**

Sumber: Analisis penyelidik

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kepustakaan. Data diperoleh daripada sumber primer mazhab al-Shāfiʿī seperti *Fatḥ al-Wahhāb*, *Asnā al-Maṭālib*, *Nihāyat al-Muḥtāj* dan *Sabīl al-Muhtadīn*. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan bagi mengenal pasti syarat-syarat sah solat berjemaah di tempat selain masjid serta aplikasinya dalam konteks semasa. Di samping itu, kajian ini turut meneliti pandangan dan perbahasan fuqahāʾ al-Shāfiʿiyyah berkaitan isu hubungan antara imam dan makmum, khususnya yang melibatkan faktor jarak, penghalang dan kewujudan rābiṭah dalam pelaksanaan solat berjemaah. Hasil analisis kemudiannya disusun secara tematik bagi menghasilkan rumusan hukum yang lebih sistematik serta menjelaskan implikasi pelaksanaannya terhadap pengurusan surau dan musolla pada masa kini. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti dan mensintesiskan pandangan fuqahāʾ mazhab al-Shāfiʿī yang terdapat dalam karya-karya fiqh turath dan kontemporari bagi menghasilkan kefahaman yang komprehensif terhadap isu yang dikaji.

Pemilihan empat karya tersebut dibuat secara bertujuan (purposive) berdasarkan tiga kriteria, iaitu (i) karya tersebut diiktiraf sebagai rujukan muʿtamad dalam mazhab al-Shāfiʿī, (ii) karya tersebut membincangkan secara terperinci syarat hubungan antara imam dan makmum, termasuk isu jarak, penghalang dan rābiṭah, serta (iii) karya tersebut mewakili rantaian autoriti mazhab daripada peringkat syarah utama hingga ke karya rujukan tempatan di Alam Melayu. *Fatḥ al-Wahhāb* dan *Asnā al-Maṭālib* merupakan syarah oleh Shaykh al-Islām Zakariyyā al-Anṣārī yang menjadi rujukan utama generasi mutaʾakhkhirīn; *Nihāyat al-Muḥtāj* oleh al-Ramlī

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

merupakan syarah ke atas *Minhāj al-Ṭālibīn* karya al-Nawawī dan menjadi antara rujukan utama dalam fatwa mazhab; manakala *Sabīl al-Muhtadīn* oleh al-Banjārī dipilih kerana ia merupakan karya fiqh al-Shāfiʿī berbahasa Melayu yang meluas penggunaannya di Malaysia dan Nusantara serta mencerminkan penerimaan hukum tersebut dalam konteks tempatan.

Dari sudut kedudukan autoriti, kajian ini berpegang kepada kaedah yang masyhur dalam kalangan mutaʾakhkhirīn, iaitu pandangan muʿtamad dalam mazhab ialah pandangan yang disepakati oleh al-Nawawī dan al-Rāfiʿī, dan jika berlaku perbezaan antara keduanya, pandangan al-Nawawī didahulukan. Bagi perincian pada peringkat seterusnya, rujukan utama ialah Ibn Ḥajar al-Haytamī dan al-Ramlī. Sekiranya terdapat dua pandangan dalam mazhab, kajian ini terlebih dahulu mengenal pasti pandangan yang dinyatakan sebagai al-aṣaḥḥ, al-aẓhar atau al-muʿtamad oleh pengarang. Sekiranya Ibn Ḥajar dan al-Ramlī berbeza pandangan, kedua-dua pandangan dikemukakan, dan pendirian garis panduan pihak berkuasa agama tempatan dijadikan pertimbangan dalam aspek aplikasi.

Karya-karya fiqh digunakan secara berperingkat mengikut fungsinya. Teks ringkas (matan dan mukhtaṣar) seperti *Minhāj al-Ṭālibīn*, *ʿUmdat al-Sālik* dan *Sullam al-Tawfīq* digunakan untuk mengenal pasti rumusan asas hukum; karya syarah seperti *Fatḥ al-Wahhāb*, *Asnā al-Maṭālib* dan *Nihāyat al-Muḥtāj* digunakan untuk memahami huraian, dalil dan perincian syarat; manakala karya ḥāshiyah seperti *Ḥāshiyat al-Bujayrimī* dan *Iʿānat al-Ṭālibīn* digunakan untuk menjelaskan istilah, masalah cabang dan pandangan yang berbeza. Karya kontemporari pula dimasukkan berdasarkan dua kriteria, iaitu karya tersebut bersandarkan kepada sumber primer mazhab al-Shāfiʿī dan membincangkan aplikasi hukum dalam konteks semasa, termasuk garis panduan rasmi pihak berkuasa agama dan kajian akademik yang diterbitkan dalam jurnal berwasit.

Proses analisis kandungan dilaksanakan melalui tiga peringkat. Pertama, unit analisis ditetapkan sebagai setiap petikan teks (ʿibārah fiqhiyyah) yang menyatakan hukum, syarat atau ʿillah berkaitan hubungan antara imam dan makmum. Kedua, petikan-petikan tersebut dikodkan secara deduktif berdasarkan tema awal yang dibina daripada perbahasan bab al-jamāʿah, iaitu syarat imam dan makmum, jarak, penghalang, rābiṭah dan perbezaan aras. Ketiga, kod-kod tersebut disemak semula dan digabungkan secara induktif sehingga menghasilkan tema akhir, iaitu (i) syarat sah solat berjemaah secara umum, (ii) syarat solat berjemaah di tempat selain masjid, (iii) konsep dan syarat rābiṭah, dan (iv) aplikasi kepada surau dan musolla. Bagi mengawal kesahan tafsiran, setiap rumusan hukum disemak silang dengan sekurang-kurangnya dua karya muʿtabar serta ḥāshiyahnya, dibandingkan dengan garis panduan pihak berkuasa agama, dan dibincangkan dalam kalangan penyelidik sehingga mencapai persetujuan.

Kerangka Konseptual

Takrif Solat Jemaah

Secara etimologi, jemaah diertikan sebagai perkumpulan daripada segala sesuatu sama ada banyak mahupun sedikit (Al-Fayyūmī, 2010). Menurut epistemologi syarak, sekurang-kurang jamaah bagi solat adalah dua orang berdasarkan sabdaan Rasullullah yang diriwayatkan Ibn Mājah:

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

الاثنان فما فوقها جماعة[2]

Mafhumnya: "*Dua dan ke atas adalah jamaah*"

Sekalipun dikatakan pada sudut bahasa sekurang-kurang angka jamak adalah tiga tetapi di sisi Imam Syafi'i pada hukum syarak tempat ambilnya adalah apa yang terhenti dari sudut syarak (Al-Anṣārī, 2001). Dalam kitab *Risalah Pedoman Sembahyang Berjemaah karangan Tuan Guru Haji Abdul Rahman Lubuk Tapah* (1969) menerangkan bahawa solat berjemaah itu berlaku dengan berhimpunnya imam dan makmum di satu tempat. Gambaran berhimpuan keduanya dalam satu tempat boleh berlaku dalam empat keadaan: i. Imam dan makmum dalam masjid; ii. Imam dalam masjid dan makmum di luar masjid; iii. Imam di luar masjid dan makmum di dalam masjid; dan iv. Kedua-duanya di luar masjid. Justeru, difahami di sini bahawa solat berjemaah boleh berlaku dengan berhimpun sekurang-kurangnya seorang imam dan seorang makmum.

Dapatan Kajian

Syarat Sah Solat Berjemaah

Seseorang yang dijadikan sebagai imam mestilah memenuhi syarat sebagai imam solat agar solat jemaah yang dilakukan sah di sisi syarak. Al-Nawawī (2013) dalam *Minhāj al-ṭālibīn wa ʿumdat al-muftīn* menyatakan antara syarat imam adalah: i. Tidak diketahui terbatalnya solat imam; ii. Imam itu bukanlah makmum bagi imam yang lain; iii. Mestilah yang elok bacaan al-Fatihah, bukan yang menukar sebutan satu huruf dengan sebutan huruf yang lain; iv. Bagi lelaki, imamnya adalah lelaki dan bagi perempuan imamnya adalah lelaki atau Perempuan; dan v. Mestilah dipastikan imam beragama Islam dan sejahtera daripada perkara yang membatalkan iman.

Selain itu, disyaratkan juga imam tersebut tidak diyakini kewajipan qadha' solat tersebut atasnya, seperti orang yang bertayammum kerana ketiadaan air di tempat yang kebiasaannya terdapat air. (Al-Qāḍī, 2016) Maka jika terzahir setelah solat berjemaah, imamnya adalah seorang kafir, maka tidak sah solat berjemaah dan wajib makmum mengulangi solatnya. (Al-Anṣārī, 2017). Begitu juga tidak sah mengikut imam ahli bidaah dan yang bidaahnya sampai kepada kekufuran seperti yang meyakini bahawa Allah tidak mengetahui sesuatu secara terperinci, atau yang mengingkari kebangkitan dan perhimpunan di padang mahsyar, atau yang meyakini Allah itu jisim atau yang meyakini Allah berarah (Al-Rānīrī, 2018). Begitu juga jika dia sangka imamnya lelaki kemudian dia mengetahui bahawa imamnya adalah perempuan maka tidak sah solatnya dan wajib dia mengulanginya. Begitu juga jika dia mengetahui ketika solat, bacaan al-Fatihah imam tidak betul, maka tidak sah solatnya dan wajib dia mengulangi solatnya (Al-Banjārī, 2019).

Adapun makmum, maka disyaratkan ke atasnya mestilah dia seorang muslim kerana tidak sah solat orang yang kafir (Abū al-ʿAbbās, 2011). Jika imam lelaki, maka disyaratkan makmum berjantina lelaki atau perempuan, dan jika imamnya perempuan maka makmum hanyalah perempuan (Al-Malībārī, 2004). Makmum juga disyaratkan tidak mengetahui batalnya solat imam seperti makmum bermazhab Syafi'e dan imam bermazhab Hanafi, tetapi imam bermazhab Hanafi telah melakukan perkara yang membatalkan wuduk dalam mazhab Syafi'e

[2] Ibn Mājah, Abū ʿAbd Allāh Muḥammad ibn Yazīd. *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb Iqāmat al-Ṣalāh wa al-Sunnah fīhā, Bāb al-Ithnān Jamāʿah, no. hadis 972.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

seperti menyentuh zakar (Al-Anṣārī, 2017). Begitu juga makmum disyaratkan tidak meyakini bahawa imam adalah orang yang wajib mengqadhakan solatnya (Al-Qāḍī, 2016). Sepanjang solat mestilah makmum mengetahui perpindahan imam dengan melihatnya atau mendengar suaranya (Al-Ḥaḍramī, 2013).

Daripada syarat-syarat yang disebutkan di atas, terdapat syarat yang terkait dengan kawasan dilaksanakan jemaah iaitu masjid dan selainnya. Al-Ghazālī (1997) dalam kitabnya *Al-Wajīz fī fiqh al-Imām al-Shāfiʿī* menyatakan jika berkumpul imam dan makmum dalam masjid maka tidak memudaratkan jarak yang jauh dan berbeza bangunan. Iaitu berbeza bangunan daripada masjid seperti perigi, atap dan menara yang mana bangunan-bangunan ini boleh dibuka pintunya untuk menuju ke masjid sekalipun tertutup kerana semua ini adalah satu binaan yang dibina untuk solat (al-Anṣāri, 2001). Dengan syarat makmum mengetahui perpindahan imam antara rukun-rukun dengan melihat atau mendengar suara imam atau muballigh (Abdul Rahman, 1969).

Syarat Solat Berjemaah Di Tempat Selain Masjid

Solat berjemaah yang dilakukan dalam masjid atau selainnya mestilah memenuhi syarat-syarat ini: i. Makmum mestilah tidak mendahului imam pada tempat berdiri dan *takbiratul ihram* bahkan mesti menyebut *takbiratul ihram* sesudah imam selesai menyebutnya; ii. Makmum tidak boleh mendahului imam sebanyak dua rukun perbuatan berturut-turut kerana ini akan membatalkan solatnya; iii. Mestilah makmum bersepakat dengan imam pada sudut aturan solat (Al-Ḥaḍramī, 2013); iv. Mesti bersepakat pada sunnah yang ketara perbezaannya jika berlaku percanggahan antara imam dan makmum sama ada pada melakukannya atau meninggalkannya (Al-Malībārī, 2004). Jika imam tidak duduk untuk tasyahhud awwal, mestilah makmum meninggalkan tasyahhud awal dan mengikuti imam, kerena jika makmum melakukannya sedang imam meninggalkannya dan terus berdiri maka akan berlaku perbezaan yang ketara antara imam dan makmum; dan v. Pada solat yang boleh dilakukan secara berjemaah dan berseorangan, makmum mestilah berniat mengikut imam sebelum tunggu yang panjang dan mengikuti imam (Al-Haytamī, 2000). Adapun pada solat yang hanya dilakukan secara berjemaah seperti Solat Jumaat, makmum mestilah berniat mengikut imam ketika *takbiratul ihram* (Al-Qāḍī, 2016).

Jika Imam dan makmum berjemaah di tempat yang selain masjid maka disyaratkan tidak berlaku di antara imam dan makmum atau antara makmum dan saf sebelumnya jarak yang lebih daripada 300 hasta (Al-Ḥaḍramī, 2020). Disyaratkan juga tiada penghadang di antara imam dan makmum yang mana penghadang ini menghalang makmum daripada pergi kepada imam atau melihat imam atau orang di belakang imam. Contoh penghadang adalah dinding atau pintu yang terkunci atau tertutup yang boleh dibuka kerana ia menghalang makmum melihat imam. Contoh lainnya adalah pagar besi kerana menghalang makmum daripada pergi kepada imam (Al-Hararī, 2022). Manakala pada masalah ada sesuatu yang menghalang makmum daripada pergi kepada imam sedang makmum masih boleh melihat imam, maka sebahagian ulama mazhab Syafie mengatakan sah dan sebahagiannya mengatakan tidak sah (Al-Nawawī, 2013).

Dalam kitab *Sabīl al-muhtadīn li al-tafaqquh fī amr al-dīn* (2019) karangan Muḥammad Arshad ibn ʿAbd Allāh Al-Banjārī menjelaskan bahawa jika imam dan makmum bukan dalam masjid, maka selain disyaratkan dekat jarak antara imam dan makmum, turut disyaratkan juga tiada penghalang di antara keduanya yang menghalang makmum untuk bergerak ke arah imam; seperti pagar, atau penghalang yang menghalang makmum daripada melihat imam; seperti pintu yang tertutup. Ini kerana supaya makmum dapat melihat imam atau orang yang mengikut

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

imam dan supaya makmum boleh bergerak ke arah imam dengan berjalan secara biasa dengan tiada membelakangi kiblat. Maka jika makmum menjadikan kiblat di sebelah kanannya atau di sebelah kirinya ketika bergerak ke arah imam dengan cara biasa maka ia tidak menjejaskan jemaah.

Konsep dan Peranan *Rābiṭah*

Jika imam berada di dalam masjid, sedangkan makmum pula berada di luar masjid, atau imam solat dalam satu bangunan dan makmum solat di dalam bangunan yang lain, sedangkan ada tempat laluan terbuka yang menghubungkan keduanya, maka perlu ada seorang makmum yang bertindak sebagai *rābiṭah* yang berdiri di tempat yang berselari dengan laluan terbuka dan makmum itu melihat imam atau melihat makmum yang berada di belakang imam. Makmum yang menjadi *rābiṭah* ini pada hak makmum yang diluar masjid atau di bangunan lain adalah seperti imam. Maka mereka tidak boleh melakukan *takbiratul ihram* sebelumnya dan jika berdiri terkehadapan sedikit daripada penghubung (*rābiṭah*) tersebut nescaya batal solat mereka (Al-Anṣārī 2001).

Jadual 2: Syarat-Syarat Rābiṭah dalam Solat Berjemaah di Tempat Selain Masjid

Bil.	Huraian
1	Individu yang menjadi rābiṭah mestilah terdiri daripada orang yang sah dan layak diikuti sebagai imam. Oleh itu, tidak sah seorang perempuan dijadikan rābiṭah bagi makmum lelaki.
2	Rābiṭah hendaklah dapat dilihat oleh makmum yang berada di belakang, di kanan atau di kirinya serta boleh didatangi tanpa perlu membelakangi kiblat.
3	Jika rābiṭah hilang atau tidak lagi dapat dilihat ketika solat sedang berlangsung, keadaan tersebut dimaafkan dan tidak membatalkan ikutan makmum selagi pergerakan imam masih dapat diketahui.
4	Jika laluan atau pintu yang menghubungkan imam dan makmum tertutup secara tidak sengaja ketika solat sedang berlangsung, keadaan tersebut dimaafkan berdasarkan kaedah fiqh bahawa sesuatu yang dimaafkan ketika berterusan tidak semestinya dimaafkan pada permulaan.

Sumber: Garis Panduan Solat Berjemaah di Masjid dan Bangunan Selain Masjid dan Tanah Lapang yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor (2013)

Walaupun demikian, terdapat syarat lain yang penting namun ia tidak disebutkan dalam buku panduan tersebut. Dalam *Nihāyat al-muḥtāj ilā sharḥ al-minhāj* bagi Al-Ramlī (2003) beliau menjelaskan peranan *rābiṭah* ini seperti imam di mana makmum yang setelahnya tidak melakukan *takbiratul ihram* sebelumnya, tidak rukuk sebelum rukuknya, tidak memberi salam sebelum salamnya, tidak mendahuluinya pada perbuatan sekalipun dia lewat daripada imam. Begitu juga seperti apa yang telah dinukilkan daripada al-Anṣārī (2001) bahawa tidak boleh makmum yang setelah *rābiṭah* terkehadapan dari tempat berdirinya iaitu sama ada tumitnya selari dengan *rābiṭah* atau terkebelakang daripadanya. Al- Banjārī (2019) juga menyatakan bahawa seorang makmum yang berdiri berbetulan dengan pintu bagi bangunan yang imam berada di dalamnya, hukumnya seperti imam bagi mereka yang di belakangnya atau yang di kanannya atau di kirinya; iaitu mereka tidak boleh mendahuluinya pada *takbiratul ihram*, pada tempat berdiri, dan pada perbuatan solat sepertimana mereka tidak boleh mendahului imam pada perkara-perkara tersebut. Disyaratkan juga bahawa *rābiṭah* tersebut mestilah boleh melihat. Oleh yang demikian, jika dia berada dalam kegelapan sekira-kira dia terhalang daripada melihat

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

imam atau makmum yang di belakangnya nescaya tidak sah ikutan makmum terhadap *rābiṭah* tersebut (Al-Bujayrimī, 2011).

Selain itu, turut disyaratkan agar jarak antara *rābiṭah* dan imam tidak melebihi 300 hasta dan tidak mengapa jika jarak antara mereka melebihi tiga hasta. Ukuran jarak dikira daripada tepi masjid yang mengiringi makmum sepertimana yang disebutkan oleh Abdul Rahman (1969) dalam kitabnya *Pedoman Sembahyang Berjemaah*. Beliau juga berkata bahawa tiada mudarat jika lebih daripada tiga hasta. Adapun jika imam di tingkat atas dan makmum di tingkat bawah atau sebaliknya, maka disyaratkan seperti yang dinyatakan serta mestilah makmum boleh berjalan ke arah imam secara biasa tanpa membelakangi kiblat. Adapun jika ia membawa kepada membelakangi kiblat, maka tidak sah ikutannya (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2013).

Jadual 3: Perbandingan Solat Berjemaah Di Dalam Masjid Dan Di Tempat Selain Masjid

Masjid	Selain Masjid
Boleh mengikut imam yang berada di sebalik pintu atau dinding atau penghalang	Mestilah tidak ada penghalang yang menghalang makmum bergerak ke arah imam
Dalam masjid yang besar, boleh mengikut imam walaupun jarak di antara imam dan makmum melebihi kadar 300 hasta	Jarak antara imam dan makmum hendaklah tidak melebihi 300 hasta
Jika saf makmum berada dalam bahagian yang berbeza, tidak perlu kepada *rābiṭah*	Perlu kepada *rābiṭah* jika imam berada di bangunan yang lain atau berada pada satu ruang yang lain sedangkan makmum berada di bangunan atau ruang yang lain

Sumber: Adaptasi oleh penyelidik

Aplikasi Pada Surau dan Musolla

Seiring dengan perkembangan zaman, bilangan penduduk Malaysia terutamanya di kawasan bandar semakin meningkat. Pada tahun 1970, penduduk bandar di Malaysia sekitar 28 peratus daripada bilangan keseluruhan penduduk, pada tahun 1991 jumlah tersebut meningkat kepada 50.7 peratus dan mencapai 75.1 peratus pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Penyumbang besar kepada pertambahan ini adalah masyarakat beragama Islam dan ini telah menyebabkan berlaku peningkatan terhadap bilangan surau dan masjid untuk memenuhi keperluan pertambahan penduduk (Faisal et. al., 2018). Peningkatan bilangan penduduk di bandar terutamanya lelaki membawa kepada adanya keperluan untuk membina surau-surau dan *musolla* bagi menampung dan menyokong fungsi masjid sebagai tempat untuk solat berjemaah terutamanya Solat Jumaat (Shah Rizal & Syed Ahmad Iskandar, 2019). Berdasarkan kepada statistik semasa dari Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor, jumlah surau yang mendapat kebenaran untuk dilaksanakan Solat Jumaat setakat Februari 2026 adalah sebanyak 108 buah surau.

Pelaksanaan Solat Jumaat di tempat yang selain masjid berhajat kepada perhatian yang besar berbanding dengan Solat Jumaat di Masjid. Syarat-syarat yang dinyatakan sebelum ini mestilah dijadikan panduan agar solat berjemaah yang dilakukan adalah sah, lebih-lebih lagi bagi Solat Jumaat yang hanya sah didirikan secara berjemaaah. Pada kebiasaannya surau dibina untuk menampung jumlah jemaah yang berskala lebih kecil berbanding masjid dan pada dasarnya ia tidak dibina untuk didirikan Solat Jumaat (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2011). Maka

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved


This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

pelaksanaan Solat Jumaat di dalam bangunan surau tidak dapat menampung bilangan ahli jemaah yang ramai dan membawa kepada keperluan membuat saf di bahagian luar bangunan surau.

Oleh itu, saf yang berada di bahagian luar dewan solat utama surau atau di sebalik pintu surau mestilah dipastikan tidak dihalang oleh sebarang penghadang yang menghalang makmum bagi saf tersebut untuk bergerak pergi ke arah Imam apabila berjalan secara biasa. Begitu juga disyaratkan ada *rābiṭah* yang berdiri di tempat yang berselari dengan laluan terbuka dan segala syarat *rābiṭah* yang disenaraikan sebelum mestilah dipenuhi. Maka hendaklah makmum yang berada di saf di bahagian luar terkehadapan pada tempat berdiri daripada orang yang dijadikan sebagai *rābiṭah* dan tidak juga mendahuluinya pada rukun perbuatan (*fi'li*), begitu juga pada *takbiratul ihram* (Al-Banjārī, 2019).

Terdapat sebahagian surau yang didirikan setinggi dua tingkat dan meletakkan sebahagian saf jemaah di tingkat atas sedangkan imam berada di tingkat bawah. Maka untuk memastikan syarat-syarat yang telah disebut dapat dipenuhi, tangga yang menghubungkan saf di atas dengan yang dibawah mestilah berselari dengan makmum bagi saf di bahagian atas atau berada di hadapannya. Makmum bahagian atas yang dijadikan sebagai *rābiṭah* mestilah kedudukannya berselari dengan tangga atau sebelum tangga jika tangga berada di hadapannya. Begitu juga imam hendaklah dapat melihat ke arah makmum di saf bahagian bawah. Maka tidak boleh mana-mana makmum yang berada di bahagian atas berdiri terkehadapan daripada *rābiṭah* ini. Selain itu, tangga yang menghubungkan saf bahagian atas dan bawah mestilah tangga yang tidak menjadikan makmum mebelakangi kiblat ketika menggunakannya untuk turun menuju ke arah imam.




Rajah 1: Kedudukan *rābiṭah* di tingkat atas berada berhadapan dengan tangga dan dapat melihat saf yang berada di aras bawah

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790



Rajah 2: Kedudukan *rābiṭah* di aras atas berada berselari dengan tangga yang menyampaikannya kepada imam dan saf di aras atas berada berselari atau di belakang *rābiṭah*.

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa mazhab al-Shāfiʿī memberikan perhatian yang sangat terperinci terhadap aspek hubungan antara imam dan makmum dalam solat berjemaah. Perincian tersebut menggambarkan bahawa objektif utama syarat-syarat yang ditetapkan bukan sekadar memastikan kehadiran fizikal dalam satu kawasan, tetapi bagi menjamin wujudnya keterikatan jamaah yang membolehkan makmum mengikuti imam secara sempurna. Oleh sebab itu, isu jarak, penghalang dan keterlihatan menjadi elemen yang sangat penting dalam penentuan kesahan jamaah.

Dalam konteks semasa, perkembangan kawasan bandar dan peningkatan jumlah jemaah menyebabkan kapasiti sesebuah masjid atau surau sering kali tidak mencukupi untuk menampung kehadiran jemaah, khususnya ketika Solat Jumaat. Keadaan ini mewujudkan keperluan untuk menggunakan ruang tambahan seperti kawasan luar bangunan, dewan berhampiran atau aras bangunan yang berbeza. Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan ruang-ruang tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak selagi syarat-syarat yang ditetapkan oleh fuqahāʾ al-Shāfiʿiyyah dipenuhi.

Peranan rābiṭah yang dibincangkan oleh ulama mazhab al-Shāfiʿī juga memperlihatkan keunikan pendekatan fiqh dalam menangani isu ruang dan jarak. Konsep ini berfungsi sebagai mekanisme yang memastikan kesinambungan hubungan antara imam dan makmum walaupun berada pada lokasi yang berbeza. Dalam konteks pengurusan masjid dan surau masa kini, pemahaman yang tepat terhadap konsep rābiṭah dapat membantu pihak pengurusan menyusun kedudukan saf dan ruang solat dengan lebih sistematik serta mengelakkan keraguan terhadap kesahan solat berjemaah.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa hukum-hakam yang dibincangkan oleh ulama mazhab al-Shāfiʿī masih mempunyai relevansi yang tinggi dalam konteks kontemporari. Walaupun perbahasan tersebut dibangunkan dalam karya-karya fiqh klasik, prinsip-prinsip

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

yang diketengahkan masih mampu diaplikasikan bagi menyelesaikan pelbagai isu semasa berkaitan pelaksanaan solat berjemaah di surau, musolla dan ruang ibadah alternatif. Hal ini membuktikan keluasan serta keanjalan fiqh mazhab al-Shāfiʿī dalam menangani perubahan realiti masyarakat tanpa mengabaikan prinsip-prinsip asas ibadah.

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan bahawa kesahan solat berjemaah di tempat selain masjid bukan bergantung kepada nama atau status sesuatu bangunan semata-mata, tetapi bergantung kepada pematuhan terhadap syarat-syarat fiqh yang menjamin keterikatan antara imam dan makmum. Oleh itu, pemahaman yang tepat terhadap syarat-syarat tersebut amat penting bagi memastikan pelaksanaan solat berjemaah dan Solat Jumaat di surau serta musolla dapat dilaksanakan dengan sah dan menepati kehendak syarak.

Dapatan kajian ini selaras dengan pendekatan umum fuqahāʾ al-Shāfiʿiyyah yang menjadikan keterikatan antara imam dan makmum sebagai asas kesahan jamaah. Penekanan terhadap unsur keterlihatan, kemampuan mengikuti pergerakan imam serta ketiadaan penghalang menunjukkan bahawa konsep jamaah dalam mazhab al-Shāfiʿī bukan sekadar perhimpunan fizikal, bahkan suatu hubungan hukum yang menjamin kesatuan perlaksanaan ibadah. Oleh sebab itu, kewujudan rābiṭah berfungsi sebagai mekanisme fiqh yang mengekalkan kesinambungan hubungan tersebut apabila berlaku pemisahan ruang antara imam dan makmum.

Kesimpulan

Kajian ini telah meneliti hukum-hakam solat berjemaah di tempat selain masjid berdasarkan perspektif mazhab al-Shāfiʿī dengan memberi tumpuan kepada syarat-syarat yang menentukan kesahan hubungan antara imam dan makmum. Berdasarkan analisis terhadap sumber-sumber fiqh muʿtabar mazhab al-Shāfiʿī, didapati bahawa solat berjemaah di surau, musolla atau tempat selain masjid adalah sah selagi memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh para fuqahāʾ, antaranya keterikatan antara imam dan makmum, jarak yang dibenarkan, ketiadaan penghalang yang menjejaskan hubungan jamaah serta pematuhan terhadap syarat-syarat rābiṭah apabila diperlukan.

Di samping itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa perbahasan fiqh mazhab al-Shāfiʿī berkaitan solat berjemaah di tempat selain masjid mempunyai nilai praktikal yang tinggi dalam konteks semasa, khususnya dalam menghadapi pertambahan bilangan jemaah dan keperluan penggunaan ruang ibadah alternatif seperti surau dan musolla. Prinsip-prinsip yang digariskan oleh ulama mazhab al-Shāfiʿī mampu menjadi panduan dalam memastikan pelaksanaan solat berjemaah dan Solat Jumaat di luar masjid dilaksanakan secara sah serta menepati kehendak syarak.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pihak berkuasa agama, pengurusan masjid dan surau, serta masyarakat Islam dalam memahami dan mengaplikasikan hukum-hakam berkaitan solat berjemaah di tempat selain masjid. Pada masa yang sama, kajian lanjutan boleh dilakukan dengan meneliti perbandingan pandangan antara mazhab-mazhab fiqh atau mengkaji aplikasi hukum-hakam tersebut dalam reka bentuk dan pengurusan ruang ibadah moden bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam kontemporari. Kajian ini membuktikan bahawa fiqh mazhab al-Shāfiʿī mempunyai mekanisme yang sistematik dalam mengawal pelaksanaan solat berjemaah di tempat selain masjid tanpa menjejaskan prinsip asas kesatuan jamaah dan kesahan ibadah.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

Penghargaan
Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia kami, Profesor Dr. Omar Muhammad Kalash, atas bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan yang amat berharga sepanjang proses penyelidikan ini dijalankan. Kepakaran, pandangan serta nasihat beliau telah memberikan sumbangan yang besar dalam membentuk hala tuju kajian kami serta membantu kami mengatasi pelbagai cabaran yang dihadapi sepanjang penyelidikan ini.

Rujukan

Abdul Rahman. (1969). *Pedoman sembahyang berjemaah*. Pondok Lubuk Tapah.
Abū al-ʿAbbās, Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn al-Naqīb. (2011). *ʿUmdat al-sālik wa ʿuddat al-nāsik*. al-Maktabah al-ʿAṣriyyah.
Abū Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ashʿath. (2013). *Sunan Abī Dāwūd*. Muʾassasat al-Risālah Nāshirūn.
Akbar, F., Nur, C., & Izza, F. A. M. (2024). Batasan waktu pelaksanaan salat jenazah di area pemakaman dalam perspektif fikih ibadah. *AL-QIBLAH: Jurnal Studi Islam dan Bahasa Arab*. https://doi.org/10.36701/qiblah.v3i6.1835
Al-Anṣārī, Zakariyyā. (2001). *Asnā al-maṭālib sharḥ Rawḍ al-ṭālib*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
Al-Anṣārī, Zakariyyā. (2014). *Tuḥfat al-ṭullāb bi sharḥ Taḥrīr Tanqīḥ al-lubāb*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
Al-Anṣārī, Zakariyyā. (2017). *Fatḥ al-Wahhāb bi sharḥ Manhaj al-ṭullāb*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
Al-ʿAsqalānī, Aḥmad ibn ʿAlī. (1998). *Al-Maṭālib al-ʿāliyyah bi zawāʾid al-masānīd al-thamāniyyah*. Dār al-ʿĀṣimah.
Al-Banjārī, Muḥammad Arshad ibn ʿAbd Allāh. (2019). *Sabīl al-muhtadīn li al-tafaqquh fī amr al-dīn*. Khazanah Fathaniyyah.
Al-Bindanī, Mohd Hazri Hasyim. (2019). *Memperhalusi hukum-hakam solat berjemaah*. Galeri Ilmu.
Al-Bujayrimī, Sulaymān. (2011). *Ḥāshiyat al-Bujayrimī ʿalā sharḥ Manhaj al-ṭullāb*. Sharikat Dār al-Mashārīʿ li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
Al-Dimyāṭī, Abū Bakr ʿUthmān ibn Muḥammad. (1995). *Iʿānat al-ṭālibīn ʿalā ḥall alfāẓ Fatḥ al-muʿīn*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
Al-Fayyūmī, Aḥmad ibn Muḥammad ibn ʿAlī al-Muqriʾ. (2010). *Al-Miṣbāḥ al-munīr*. Maktabat Lubnān.
Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. (1997). *Al-Wajīz fī fiqh al-Imām al-Shāfiʿī*. Dār al-Arqam ibn Abī al-Arqam.
Al-Ḥabashī, ʿAbd al-ʿAzīz ibn Ibrāhīm al-Rayyi. (2018). *Iẓhār al-ifādāt*. Sharikat Dār al-Mashārīʿ li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
Al-Ḥaḍramī, ʿAbd Allāh ibn Ḥusayn. (2013). *Sullam al-tawfīq ilā maḥabbat Allāh ʿalā al-taḥqīq*. Sibt al-Jīlānī.
Al-Hararī, ʿAbd Allāh. (2022). *Bughyat al-ṭālib*. Sharikat Dār al-Mashārīʿ li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
Al-Haytamī, Ibn Ḥajr Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad. (2000). *Al-Minhāj al-qawīm sharḥ al-Muqaddimah al-ḥaḍramiyyah*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
Al-Haytamī, Ibn Ḥajr Shihāb al-Dīn Aḥmad ibn Muḥammad. (2018). *Al-Fatāwā al-kubrā al-fiqhiyyah ʿalā madhhab al-Imām al-Shāfiʿī*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
Al-Malībārī, Aḥmad ibn ʿAbd al-ʿAzīz. (2004). *Fatḥ al-muʿīn bi sharḥ Qurrat al-ʿayn*. Dār Ibn Ḥazm li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
Al-Qāḍī, Samīr Muḥammad Sulaymān, & Saqr, Nusaybah. (2016). *ʿUmdat al-rāghib fī*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

mukhtaṣar Bughyat al-ṭālib. Sharikat Dār al-Mashārīʿ li al-Ṭibāʿah wa al-Nashr wa al-Tawzīʿ.

Al-Ramlī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn Ḥamzah. (2003). *Nihāyat al-muḥtāj ilā sharḥ al-minhāj wa maʿahu Ḥāshiyat al-Shabramallisī wa Ḥāshiyat al-Maghribī al-Rashīdī* (8 vols.). Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Al-Rānīrī, Nūr al-Dīn. (2018). *Al-Sirat al-Mustaqim: Kitab al-Taharah dan al-Salah* (J. Hashim, H. Mohd, Z. Mohd Yusoff, & E. I. Engku Ibrahim, Eds.). Penerbit UniSZA.

Bā Faḍl, ʿAbd Allāh ibn ʿAbd al-Raḥmān. (2020). *Al-Muqaddimah al-ḥaḍramiyyah*. Dār al-Minhāj.

Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor. (n.d.). *Senarai surau solat Jumaat*. https://e-masjid.jais.gov.my/

Hasibuan, E. M., & Yusram, M. (2020). Hukum salat berjemaah di masjid dengan saf terpisah karena wabah. *Bustanul Fuqaha*, *1*(2), 106–124. https://doi.org/10.36701/bustanul.v1i2.139

Ibn Mājah, Abū ʿAbd Allāh Muḥammad ibn Yazīd. (2009). *Sunan Ibn Mājah*. Dār al-Risālah al-ʿĀlamiyyah.

Ikbal, M. (2021). Variations in shaf distance in prayer: Comparative study between the Shafi'i school and the Maliki school. *Mazahibuna*. https://doi.org/10.24252/mh.v3i1.20383

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2011). *Garis panduan perancangan masjid & surau*. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Kenyataan media menelusuri statistik sosial Malaysia (MSSM) edisi 2023*. Kementerian Ekonomi.

Lukman, A., Wirakusumah, I. A., Sahid, S., & Gunawan, E. (2023). The dynamics of interpersonal space in congregational prayers in Salman Mosque Bandung during COVID-19 pandemic. *Journal of Islamic Architecture*. https://doi.org/10.18860/jia.v7i3.18103

Muhamad Faisal Ashaari, & Firdaus Mokhtar. (2018). *Pandangan imam dan pentadbir masjid tentang kehadiran masyarakat ke masjid*. Jurnal Hadhari, 10(2), 205–223.

Mukhtar, S. (2024). I'adah of Friday prayer with Zuhr prayer in the perspective of fiqh Shafi'iyyah. *Jurnal Al-Fikrah*. https://doi.org/10.54621/jiaf.v13i2.674

Muthalib, S. A., Amri, F., & Ali, B. (2021). Practices of the i'adah Zuhur after Friday prayers in Aceh Besar District: An analysis with the perspectives of Islamic law approaches. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam*. https://doi.org/10.22373/sjhk.v5i1.8401

Omar, N., Muda, Z., Yahya, R. N. S. R., Salleh, S. M., & Noor, I. (2022). Analisis hukum terhadap limitasi pelaksanaan solat di masjid era COVID-19. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.1.640

Padang, U. I. B. (2022). Islamic law perspective in viewing the implementation of Friday prayer in the workplace or not a mosque when the COVID-19 pandemic happened. *ENDLESS: International Journal of Future Studies*. https://doi.org/10.54783/endlessjournal.v5i2.74

Pratiwi, M., Zamroni, S., & Taufik, T. (2025). Analisis tafsir hukum *lā ṣalāta lijār al-masjid illā fī al-masjid*. *Jurnal Ushuluddin*. https://doi.org/10.51900/ushuluddin.v23i2.22230

Pujiani, A., & Rochbani, I. T. N. (2025). Fiqh of worship in the context of modern life: Adaptation in the implementation of prayer in public places. *Zabags International Journal of Islamic Studies*. https://doi.org/10.61233/zijis.v2i1.16

Shah Rizal and Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin. (2019). *Aksesibiliti surau di dalam pusat membeli-belah sebagai sebuah pusat ibadat Islam.* e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 16 (1). pp. 1-19.

Sodiqin, A. (2021). Science-based ijtihad: Religious and scientific dialectic on fatwas regarding

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 1301-1316
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118790

congregational worships amid the COVID-19 pandemic. *Ijtihad: Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, *21*(1), 79–98. https://doi.org/10.18326/ijtihad.v21i1.79-98

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0